

25 JAN 2002

Mahathir-KDNK

DAGANGAN MALAYSIA MENYUMBANG LEBIH TINGGI KEPADA KDNK BERBANDING NEGARA MAJU

ALOR GAJAH, 25 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dagangan negara ini menyumbang dengan ketara lebih tinggi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dibandingkan dengan negara-negara maju.

"Dagangan Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Negara seperti Jepun, dagangan import dan eksportnya hanya menyumbang sembilan peratus kepada KDNK negaranya, manakala Amerika Syarikat dagangannya menyumbang sebanyak 18 peratus KDNKnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal dekat sini yang berharga RM950 juta.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan Pengerusi KUTKM Tan Sri Mohd Salleh Sulong serta kira-kira 3,000 orang.

"Ini adalah satu kejayaan yang telah dicapai oleh kita. Apa yang dilihat, rakyat kita mampu mengeluarkan barangan canggih dan kecekapan penting kerana Malaysia adalah sebuah negara dagangan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, barang dagangan yang dikeluarkan di negara ini adalah hasil daripada syarikat asing yang dimiliki oleh orang luar sedangkan syarikat Malaysia sendiri belum mampu mencapai tahap secanggih yang diinginkan.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan berdaya saing, dengan itu ia dapat membantu memajukan negara menuju wawasan negara.

"Sebab itu kerajaan sanggup melabur berbilion ringgit untuk membangunkan institusi pendidikan di semua peringkat termasuk membina universiti.

Dalam 10 tahun kebelakangan ini, tumbuh universiti dengan banyak dengan harapan rakyat Malaysia akan datang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata ilmu pengetahuan penting untuk kesejahteraan rakyat negara ini dan untuk menjadikan Malaysia negara maju, pendapatan per kapita rakyatnya perlu ditingkatkan.

Beliau berkata rakyat perlu sedar, ilmu pengetahuan penting untuk pembangunan negara terutamanya dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan serta dipenuhi pula dengan sikap dan nilai-nilai moral yang mulia.

"Kita tidak mahu pelajar yang mendapat kelulusan tinggi tetapi menggunakannya untuk melakukan jenayah yang canggih. Ilmu tanpa nilai-nilai moral yang tinggi boleh disalahgunakan membawa keburukan," katanya.

Katanya, negara tidak mahu rakyat yang memiliki ilmu seperti dalam bidang nuklear menyalahgunakan ilmu itu untuk membunuh orang lain.

Beliau turut menyifatkan tamadun segelintir golongan yang menggunakan bom atom dan nuklear untuk membunuh orang lain sebagai jauh lebih primitif daripada masyarakat zaman batu.

-- BERNAMA

SBS APG PR